

03 OCT 1997

MAHATHIR LANCAR KEMPEN IT KEBANGSAAN PADA 11 OKT

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan kempen IT (teknologi maklumat) kebangsaan secara langsung menerusi radio dan televisyen pada 11 Okt ini.

Menurut sumber Radio Television Malaysia (RTM) hari ini, siaran langsung itu dijadualkan pada pukul 8.30 malam selepas berita perdana RTM.

Siaran langsung itu dikategorikan sebagai "Amanat Negara" kerana ia merupakan kempen ke seluruh negara untuk mendidik rakyat supaya celik IT, katanya.

Tema kempen itu ialah IT Budaya Hidup.

Agensi-agensi berita asing hari ini melaporkan mengenai amanat negara perdana menteri ke seluruh negara tetapi berkata kandungan siaran itu tidak diketahui.

Dr Mahathir, yang kini berada di Uruguay dalam rangka lawatan rasmi ke beberapa negara Amerika Latin, dijadual pulang ke tanahair Isnin ini. --
BERNAMA

AU AKD